

Isi tempat kosong dengan kata tanya yang betul. Kemudian, baca dialog tersebut.

Apakah	Siapakah	Bilakah	Berapakah
Bagaimanakah	Mengapakah	Di manakah	

Sandra : _____ nama kamu?

Nurin : Nama saya Nurin binti Azman.

Sandra : _____ kamu tinggal?

Nurin : Saya tinggal di Taman Jaya Baharu, Kuala Lumpur.

Sandra : _____ kamu berpindah ke sini?

Nurin : Saya berpindah ke sini pada hari Sabtu yang lalu.

Sandra : _____ kamu berpindah ke sini?

Nurin : Saya berpindah ke sini kerana mengikuti ayah saya yang ditukarkan bekerja di Bank Islam cawangan Cheras.

Sandra : _____ pekerjaan ayah kamu?

Nurin : Pekerjaan ayah saya ialah pegawai bank.

Sandra : _____ kamu pergi ke sekolah?

Nurin : Saya pergi ke sekolah menaiki bas sekolah.

Sandra : Pukul _____ kamu pergi ke sekolah?

Nurin : Saya pergi ke sekolah pada pukul 6.45 pagi.

